

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' NORMALA BINTI ABDUL SAMAD**  
**[PASIR GUDANG]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memberikan penerangan serta pendedahan kepada masyarakat berkenaan virus Zika dan adakah terdapat vaksin khas yang perlu diambil sekiranya seseorang itu terpaksa pergi ke negara yang mengalami penyebaran serius wabak ini.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada masa ini tiada vaksin untuk Zika yang perlu diambil sekiranya seseorang itu terpaksa pergi ke negara yang mengalami penyebaran serius wabak Zika. Langkah pencegahan iaitu melindungi diri dari gigitan nyamuk Aedes seperti menggunakan repelen dan menggunakan pakaian menutup anggota badan adalah tindakan paling berkesan mengelak jangkitan Zika.

**Tuan Yang DiPertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha memberi penerangan serta pendedahan kepada masyarakat berkenaan virus Zika secara berterusan, seiring dengan promosi kesihatan pencegahan denggi. KKM menggunakan media arus perdana seperti *TV, radio* dan *akhbar* untuk menyampaikan maklumat tersebut kepada masyarakat sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat negeri yang menggunakan saluran media tempatan.

Dalam masa yang sama, media luar turut digunakan untuk tujuan memberi kesedaran dan peringatan kepada orang ramai oleh KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dengan melaksanakan tindakan segera meletakkan bunting di semua pintu utama lapangan terbang KLIA, KLIA2, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Lapangan Terbang Bayan Lepas, KKIA dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Disamping itu, siaran kenyataan akhbar mengenai situasi Zika semasa oleh YBMK yang dibuat secara berkala disebarikan melalui semua media. Ianya juga dipaparkan pada laman web rasmi KKM.

KKM juga telah menggunakan sosial media secara aktif untuk menyebarkan maklumat tentang penyakit Zika khususnya berkaitan cara-cara transmisi dan cara-cara pencegahan dalam bentuk slaid, video dan infografik serta dikongsikan melalui *WhatsApp, Facebook CPRC, Facebook Cari dan Musnah, Facebook KKM, Twitter KKM* dan *Youtube*